

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1 & 2

Kerajaan akan rangka dasar banteras Ali Baba

Negara tanggung kerugian satu peratus daripada KDNK - PM

Kerajaan akan rangka dasar banteras Ali Baba

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kerajaan akan merangka dasar serta strategi perundangan bersesuaian untuk membanteras kegiatan 'Ali Baba' (*rent-seeking*) yang meninggalkan kesan negatif kepada ekonomi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri

Anwar Ibrahim berkata, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dalam mesyuarat semalam telah bersetuju untuk melaksanakan inisiatif itu melalui penglibatan Kementerian Ekonomi dan Jabatan Peguam Negara, kementerian serta agensi berkaitan.

Anwar menegaskan, budaya Ali Baba memberi kesan negatif

kepada ekonomi dan kerajaan serius untuk menangani serta membasmi aktiviti tersebut.

"Anggaran kerugian mencecah sekitar satu peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan melibatkan aspek perolehan, perlesenan, pemberian permit dan kuota serta pemberian subsidi dan geran.

"Kementerian Ekonomi dan Jabatan Peguam Negara dengan penglibatan kementerian dan agensi kerajaan akan mengkaji dan merangka dasar serta strategi perundangan yang bersesuaian untuk membanteras aktiviti *rent-seeking* dan membentangkan cadangan itu kepada Jemaah Menteri," katanya dalam kenyataan di sini,

semalam.

Aktiviti Ali Baba yang memajakkan lesen perniagaan kepada pihak ketiga semakin menjadi barah dalam kalangan peniaga tempatan termasuk menjual atau menyewakan lesen perniagaan kepada warga asing.

Bersambung di muka 2